

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : CHAN MING KAI (ALOR SETAR)

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Chan Ming Kai [ALOR SETAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa rekod kelahiran kanak-kanak telah disenaraihitamkan atas pemalsuan maklumat kelahiran dan berapa kes yang sudah selesai siasatan atau sedang dalam siasatan serta berapa masih belum dikesan ibu bapa untuk tujuan siasatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan pangkalan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), terdapat sebanyak 1,723 rekod kelahiran yang telah disenarai hitam atas pelbagai kesalahan yang dikenalpasti. Antara sebab-sebab tindakan senarai hitam diambil adalah memberikan maklumat palsu semasa mendaftar kelahiran termasuklah maklumat tempat kelahiran, maklumat ibu dan bapa kanak-kanak, perakuan kelahiran palsu, mengemukakan sijil nikah palsu dan lain-lain lagi. Daripada jumlah itu, sebanyak 165 pemilik disenarai hitamkan kerana kegagalan ibu bapa kanak-kanak atau pemilik sijil kelahiran untuk hadir ke JPN bagi tujuan siasatan lanjut.